

BAB 2

ISLAM DAN POLITIK PADA TAHUN 1970-AN

2.1 Pendahuluan

Kejatuhan Kerajaan Uthmaniyyah telah menamatkan siri pemerintahan Islam yang meletakkan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai tunjang perlombagaan negara. Republik Turki yang dibangunkan di atas kemusnahan Empayar Uthmaniyyah pada awal abad ke-20, telah menafikan sejarah silamnya bersama Islam dengan penampilan identitinya yang tersendiri, bebas dari belengu Islam. Namun begitu, kebangkitan terus berlaku dalam masyarakat yang ingin melihat Syariat Islam terus ditegakkan dalam kehidupan harian tanpa memisahkannya dari bentuk asal ia diwahyukan. Penubuhan Milli Nizam Partisi seawal tahun 1970-an mengisi kegersangan ini setelah hampir setengah abad Islam dipisahkan dalam kehidupan politik pemerintahan.

2.2 Penubuhan Milli Nizam Partisi

2.2.1 Latar Belakang

Tahap pembentukan politik Islam di Turki bermula dengan tertubuhnya Milli Nizam Partisi (MNP) pada 26 Januari 1970.¹ Milli Nizam Partisi ini merupakan parti politik berasaskan Islam pertama ditubuhkan di atas wadah politik demokrasi sebagai reaksi awal terhadap perubahan yang berlaku dalam masyarakat Turki selepas pembentukan republik oleh Kemal Ataturk. Pengasas dan pelopor utama parti politik Islam di Turki ialah

¹ Jacob M. Landau, *Radical Politics in Modern Turkey*, (Leiden: E. J. Brill, 1974) hlm. 188.

Necmettin Erbakan yang membentuk MNP setelah meninggalkan Parti Keadilan (*Adalet Partisi*).

Di antara pemimpin kanan MNP yang dilantik pada pertemuan pertama hari penubuhannya ialah Hasan Aksay, yang dipertanggungjawabkan mengatur organisasi, propaganda dan menyelia maklumat parti. Sementara itu, Ahmet Tevfik Paksu dilantik sebagai Ketua Hal Ehwal Pilihan Raya dan menyelia pakatan campuran parti. Manakala Suleyman Arif Emre dilantik sebagai Setiausaha Agung, Ismail Muftuoglu sebagai Pembantu Setiausaha Agung dan Omer Faruk Ergin sebagai Akauntan Agung (Bendahari). Sebahagian bekas anggota Parti Keadilan dan sejumlah besar anggota konservatif menyertai parti ini.²

Tidak dapat dipastikan secara tepat jumlah sebenar ahli yang menganggotai parti ini. Dalam kongres MNP yang diadakan di Ankara pada 8 Februari 1970, pemimpin parti mendakwa bahawa kira-kira 1,500 orang menyertai parti tersebut pada hari pelancaran penubuhannya, manakala sekitar 500 orang peserta menghadiri kongres yang julung kali diadakan itu.³ Tetapi yang jelas, kebanyakan ahli yang menyertai MNP pada peringkat awalnya merupakan serpihan kumpulan yang cenderung kepada dasar Islam dalam Parti Keadilan (AP) pimpinan Suleimen Dimeral. MNP juga turut mendapat perhatian warga kota, masyarakat Islam luar bandar, golongan pedagang dan peniaga khususnya di Anatolia.⁴ Reaksi positif yang ditunjukkan oleh masyarakat terhadap MNP memperlihatkan bahawa mesej yang dibawa oleh parti tersebut dapat diterima oleh rakyat dengan baik di samping kegigihan Erbakan dan pemimpin MNP memperluaskan cawangannya ke serata pelusuk negeri.

² Jacob M. Landau, *Radical Politics in Modern Turkey*, hlm. 189.

³ Ibid., hlm. 189.

⁴ Berch Berberoglu, *Turkey in Crisis: From State Capitalism to Neo-Colonialism*, (London: Zed Press, 1982) hlm. 93.

Sokongan media massa terhadap penubuhan MNP sangat menggalakkan. Akhbar harian *Bugun* dan *Babi Ali de Sabah* misalnya, telah memberikan liputan yang positif dan meluas ketika penubuhan MNP sambil menyokong saranan yang berbentuk kelslaman oleh parti tersebut. MNP dianggap parti berhaluan kanan Islam yang diyakini mampu merealisasikan impian kumpulan berhaluan kanan. Tidak kurang pula yang berpendapat bahawa majalah mingguan *Yeniden Milli Mucadele* merupakan lidah rasmi bagi MNP. Ini dikuatkan lagi dengan hujah bahawa edisi sulung majalah ini diterbitkan pada 3 Februari, 1970 iaitu, seminggu selepas MNP ditubuhkan. Segala pandangan Erbakan, gagasan dan gaya penampilan beliau turut dimuatkan dalam majalah ini, walaupun nama parti tidak dinyatakan di dalamnya.⁵

2.2.2 Objektif Penubuhan

Objektif utama penubuhan Milli Nizam Partisi adalah untuk melaksanakan syariat Islam dalam kehidupan masyarakat di Turki sebagaimana ia didaulatkan semasa zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat dan generasi selepasnya. MNP yakin bahawa pendekatan politik dan pemerintahan sahaja merupakan salah satu cara terbaik untuk memastikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna dapat dilaksanakan. Dengan itu, MNP meletakkan pembangunan kerohanian sebagai keutamaan dalam membangunkan masyarakat seiring dengan pembangunan fizikal dan material.⁶ Hal demikian dapat dijelaskan melalui beberapa kenyataan, ucapan dan slogan pemimpin parti yang

⁵ Jacob M. Landau, *Radical Politics In Modern Turkey*, him. 189-192.

⁶ Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*, (London: C. Hurst & Company, 1977) him. 383 yang dipetik daripada akhbar *The Turkish Press* 27 Jan. 1970, *Cumhuryet*, 9 Feb. 1970. Matlamat pembangunan fizikal MNP adalah untuk membangunkan ekonomi negara secara adil dalam pembahagian kekayaan negara dan menjaga kebijakan sosial.

menyokong agenda keagamaan dalam pembangunan masyarakat, sepanjang berlangsungnya kongres parti tersebut pada 8 Februari 1970.⁷

Dalam pada itu, menurut pandangan Jacob M. Landau, agenda program MNP lebih memperlihatkan kesetiaan parti tersebut terhadap perlaksanaan demokrasi sebenar. Dalam kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh MNP, ia jelas mengambarkan kurangnya perhatian MNP terhadap agenda Islam. Oleh kerana Perlembagaan Turki melarang penggunaan nama Islam untuk tujuan politik, MNP secara rasmi cuba mengelakkan dirinya daripada menampilkan identiti Islam secara terang. Walaupun begitu, mesej yang disampaikan oleh MNP secara berulangkali menekankan keperluan “akhlak mulia dan moral” *ahlak ve fazilet* (keduanya merupakan perkataan Arab yang lebih akrab kepada konotasi Islam) yang jelas merujuk kepada agama dalam konteks yang lebih terbuka dan dapat diterima umum.⁸

Sementara itu, Mehmet Yasar pula berpendapat bahawa MNP turut memperjuangkan keadilan masyarakat dengan menggunakan tema moral dan sifat murni bagi mempertahankan hak kebebasan bersuara rakyat. Mesej keadilan sosial ini juga turut menjelaskan bahawa masyarakat perlu diberi kebebasan untuk mendapatkan pendidikan agama. Di samping itu juga, MNP secara terang menentang manipulasi Islam yang digunakan bagi mencapai agenda politik. Akan tetapi, MNP mengiktiraf peranan dan kepentingan Kementerian Hal Ehwal Agama (*Diyonet Isleri Baskanligi*) sepertimana badan-badan agama lainnya dan meminta agar badan-badan ini diberi kebebasan dalam apa juga tindakan.⁹

⁷ Mehmet Yasar Geyikdagı, *Political Parties in Turkey: The Role of Islam*, (New York: Praeger, 1984) hlm. 120.

⁸ Jacob M. Landau, *Radical Politics in Modern Turkey*, hlm. 190.

⁹ Mehmet Yasar Geyikdagı, *Political Parties In Turkey: The Role of Islam*, hlm. 121.

Jacob Landau turut mengulas pendekatan yang diambil oleh MNP dalam isu berhubung sekularisme dan agama. Menurut beliau, walaupun MNP tidak mungkin menentang sekularisme secara rasmi, namun parti tersebut menolak apa juga bentuk interpretasi sekularisme yang boleh mengundang permusuhan terhadap agama.¹⁰ Bagi MNP, sekularisme seharusnya dilihat dari sudut yang lebih positif terhadap agama atas dasar kebebasan yang diberikan kepada setiap individu. Bagi Erbakan, sekularisme membawa maksud tiada campurtangan negara atau kerajaan dalam agama.¹¹ Walaupun sikap MNP terhadap agama hanya dinyatakan dalam satu daripada seratus perenggan yang termaktub dalam agenda parti, namun ia sudah cukup membezakan MNP sebagai sebuah parti berlandaskan Islam berbanding Parti Demokrat (DP) dan parti-parti lainnya. Sungguhpun begitu, saranan MNP berhubung isu agama masih berada dalam ruang lingkup yang dibenarkan mengikut undang-undang di Turki.¹²

Secara umumnya, MNP berdiri sebagai parti yang memperjuangkan demokrasi, keadilan sosial dan kebebasan bersuara yang menuntut kesedaran bangsa Turki terhadap potensi akhlak, pembentukan peribadi luhur dan agama bagi mencapai kesejahteraan dan keamanan dalam masyarakat, di samping mencapai kemajuan sains dan teknologi.¹³ Pada tahap pembentukan politik ini, MNP telah berperanan menyedarkan masyarakat terhadap peranan Islam dalam pembentukan peradaban Turki sepetimana kegemilangan kerajaan Uthmaniyah yang pernah menjadi kebanggaan masyarakat Turki melebihi enam abad lamanya.

¹⁰ Jacob M. Landau, *Radical Politics in Modern Turkey*, hlm. 190-191.

¹¹ Mehmet Yasar Geyikdagl, *Political Parties in Turkey*, hlm. 122.

¹² Ibid., hlm. 121.

¹³ Jacob M. Landau, *Radical Politics in Modern Turkey*, hlm. 190.

2.3 Necmettin Erbakan Dalam Politik Turki

Tidak lengkap sesuatu penulisan yang menyentuh perjalanan politik di Turki sekiranya tidak disertakan keterangan secara ringkas berkenaan latar belakang peribadi tokoh utama yang menjadi tulang belakang pertumbuhan idea politik berasaskan Islam menerusi MNP dan beberapa siri parti-parti berhaluan Islam seterusnya seperti MSP, Refah Partisi, Fazilet Partisi dan Saadet Partisi (yang akan disentuh oleh penulis dalam bab seterusnya). Parti-parti ini muncul antara tahun 1970-an hingga kini secara silih berganti. Tokoh yang dimaksudkan ialah Necmettin Erbakan, iaitu seorang ahli politik yang tidak asing lagi dalam dunia politik di Turki.

2.3.1 Latar Belakang Hidup

Necmettin Erbakan dilahirkan pada tahun 1926 di Sinop, sebuah bandar yang terletak di pinggir Laut Hitam di sebelah Utara Turki. Beliau mempunyai enam orang adik-beradik dan dibesarkan di kalangan keluarga yang mementingkan tradisi agama serta berpegang teguh terhadap ajaran Islam.¹⁴ Bapanya merupakan seorang Qadi ketika pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah dan seterusnya dilantik sebagai hakim semasa zaman awal pembentukan republik Turki. Bapa beliau dikatakan tidak pernah meninggalkan rumah tanpa berwuduk dan tidak pernah menghadiri majlis keramaian dan parti rasmi anjuran kerajaan yang lazimnya diadakan mengikut gaya hidup barat. Pendidikan agama serta latar belakang keluarga banyak mempengaruhi sikap dan personaliti Erbakan yang tidak

¹⁴ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in Secular State: The National Salvation Party in Turkey" dalam Said Amir Arjomand (ed.), *From Nationalism to Revolutionary Islam*, (Oxford: Macmillan, 1984) hlm. 130.

mudah menerima apa juga perubahan persekitaran yang bertentangan dengan norma hidup Islam.¹⁵

Usia muda Erbakan dimanfaatkan sebaik mungkin dengan menuntut ilmu pengetahuan. Beliau merupakan seorang pelajar yang pintar dan cemerlang ketika berada di sekolah dan menuntut di universiti. Beliau mendapat pendidikan awal di Trabzon dan pendidikan menengah di Istanbul.¹⁶ Setelah berjaya menamatkan pengajian di Sekolah Tinggi (Lelaki) Istanbul Lycee, beliau menjakkan kakinya ke Universiti Teknikal Istanbul dalam jurusan kejuruteraan mekanikal. Beliau kemudian telah berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1948 dalam bidang kejuruteraan dengan mendapat kepujian kelas pertama di universiti berkenaan.¹⁷ Kegigihannya menuntut ilmu pengetahuan mendorong beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di universiti yang sama. Seterusnya Erbakan mengambil keputusan untuk meneruskan pelajarannya di peringkat sarjana kedoktoran (Ph.D) dalam bidang kejuruteraan mekanikal pada tahun 1951 dan kemudian berjaya memperolehi sarjana kedoktorannya yang kedua dalam jurusan kejuruteraan thermo-dynamics di Universiti Teknikal Rhenish-Westphalia, Aachen, Jerman.¹⁸

Semasa menetap di Jerman antara tahun 1954 hingga tahun 1956, Erbakan pernah bekerja sebagai seorang ketua penyelidik atau saintis dengan sebuah syarikat pembuat kereta kebal tentera dan pembekal peralatan ketenteraan terkenal, iaitu Leopard, dan telah memainkan peranan penting dalam projek ini.¹⁹ Syarikat ini amat berharap agar Erbakan dapat terus menetap di Jerman untuk menyiapkan projek tersebut bagi pihak syarikat dan

¹⁵ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey & His Political Thoughts*, (Istanbul: The Ummah, 1996) hlm. 15-16.

¹⁶ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in Secular State" hlm. 130.

¹⁷ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey*, hlm. 16.

¹⁸ "Scientist Who Took to Politics" *Reading in Islam Quarterly*, No. 5, Suku Kedua, 1399/1979, hlm. 58. "Erbakan, Necmettin", 28 Julai 2002, hlm. 1, <http://naqshbandi.org/ottomans/modern/erbakan.htm>.

¹⁹ "Scientist Who Took to Politics" *Reading in Islam Quarterly*, hlm. 58.

kerajaan Jerman.²⁰ Akan tetapi, sebagai anak watan Turki, kecintaan terhadap tanah air mendorong beliau untuk kembali ke Turki agar dapat mencurahkan baktinya kepada negara, lebih-lebih lagi kepakaran yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada beliau dapat dimanfaatkan dalam pembangunan industri pemotoran tempatan.

Sekembalinya ke Turki pada tahun 1957, Erbakan mendirikan kilang enjin bermotor, iaitu Deutz, dan telah mendapat saingan yang amat sengit daripada produk industri motor yang diimport. Dengan tertubuhnya kilang ini, ia merupakan kejayaan besar bagi Turki yang berjaya membangunkan industri pemotoran bertaraf dunia. Kilang ini juga merupakan satu-satunya pengeluar yang menghasilkan dan mengeksport enjin berasaskan diesel di Turki. Erbakan masih mengekalkan jawatannya sebagai Pengarah dalam industri pemotoran tempatan sehingga tahun 1963.²¹

Dalam masa yang sama, Erbakan juga telah menyambung kariernya sebagai ahli akademik di Universiti Teknikal Istanbul dan kembali melaksanakan beberapa misi yang perlu dilakukannya di Turki. Beliau telah menyandang jawatan Profesor Madya dalam tahun 1953 dan seterusnya dianugerahkan gelaran Profesor penuh dalam tahun 1965.²² Beliau juga telah dilantik sebagai pengurus bagi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di universiti berkenaan.²³

Sebagai seorang pakar dalam kejuruteraan pemotoran, beliau berusaha meningkatkan pengeluaran produk pemotoran tempatan yang berasaskan diesel bagi menyaingi industri pemotoran asing yang diimport dari negara luar. Beliau turut berusaha melindungi industri pemotoran negara. Namun, desakan ini tidak mendapat reaksi yang

²⁰ "Neomettin Erbakan", *Encyclopaedia of The Orient*, 28 Julai 2002, hlm. 1. <http://lcias.com/e.o/erbakan.htm>.

²¹ "Scientist Who Took to Politics" *Reading in Islam Quarterly*, hlm. 58.

²² Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in Secular State", hlm. 130.

²³ "Scientist Who Took to Politics" *Reading in Islam Quarterly*, hlm. 58.

menggalakkan dari pihak berkuasa.²⁴ Oleh itu, dalam tahun 1966, beliau mengambil keputusan untuk bertanding merebut jawatan Pengurus Dewan Perdagangan dan Industri yang dikenali mengikut akronim dalam bahasa Turki sebagai TOB.²⁵ Kesatuan yang ditubuhkan pada tahun 1952 ini, disertai oleh pelbagai pertubuhan swasta seperti Kesatuan Dewan-Dewan Pertanian, Pertubuhan Pedagang dan Peniaga, Kesatuan Dewan Perdagangan, Industri dan Pertukaran Komoditi.²⁶

Kerusi Presiden yang disandang oleh Erbakan telah menjas kepentingan beberapa syarikat perdagangan dan industri yang besar di beberapa bandar utama yang selama ini menguasai TOB. Sepanjang mempengerusikan TOB dari tahun 1966 hingga tahun 1969,²⁷ Erbakan telah menyusun semula TOB dengan menghadkan kouta terhadap barang import yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Keputusan ini tidak mengembirakan kumpulan pedagang yang selama ini mendominasi aktiviti perdagangan Turki. Akhirnya, mereka membentuk pakatan yang diberi nama Pertubuhan Pedagang dan Peniaga (TUSIAD) dalam tahun 1971.²⁸

Langkah yang dilakukan oleh Erbakan ini juga tidak disenangi oleh kerajaan Demirel dan Parti Keadilan (AP). Demirel sebagai Perdana Menteri Turki pada ketika itu, bertindak mengambil alih bidang kuasa TOB dalam menentukan kouta import dan peraturan berhubung dagangan luar negara. Peranan TOB kemudiannya telah diserahkan kepada Kementerian Perdagangan. Dengan keanggotaan melebihi 350 orang ahli dan

²⁴ Necmettin pernah menyuarakan pandangan beliau untuk menghadkan pengimportan kenderaan bermotor diesel bagi melindungi Industri bermotor tempatan kepada Turgut Ozal, selaku Ketua Jawatankuasa Perancang Turki. Malangnya beliau tidak mampu melakukan sebarang tindakan ke arah itu.

²⁵ Hootan Shambayati, "The Rentier State, Interest Groups, and the Paradox of Autonomy: State and Business in Turkey and Iran", *Comparative Politics*, Vol. 26, No. 3, April 1994, hlm. 316.

²⁶ Ibid., hlm. 314.

²⁷ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey*, hlm. 17-18.

²⁸ Hootan Shambayati, "The Rentier State, Interest Groups", hlm. 315.

purata perolehan pendapatan sekitar TL 10 juta,²⁹ TOB akhirnya telah menjadi batu loncatan yang mencetuskan karier politik Erbakan, setelah Parti Keadilan berjaya menyingkir Erbakan daripada menerajui TOB.

2.3.2 Karier Politik

Erbakan telah melihat perkembangan yang berlaku dalam ekonomi negara yang menurut beliau banyak dieksplorasi oleh kepentingan pedagang asing dalam pelbagai institusi negara. Malah menurut Erbakan, TOB pernah dikatakan sebagai “organisasi yang dikuasai sepenuhnya oleh kepentingan pelbagai syarikat mega perdagangan dan industri”³⁰ yang membawa Turki ke “pasaran terbuka bagi Eropah dan Amerika”.³¹ Hal ini banyak mempengaruhi beliau untuk terlibat dalam politik.

Erbakan mengambil keputusan menyertai pilihan raya buat pertama kali pada tahun 1969 sebagai calon bebas dalam kerusi Parlimen Konya. Sebelum itu, beliau merupakan ahli Parti Keadilan (AP) pimpinan Suleyman Demirel, yang agak menonjol di kalangan mereka yang berhaluan konservatif Islam. Erbakan yang agak lantang menyuarakan dasar penswastaan, pernah menyaingi Demirel sebagai pemimpin Parti Keadilan sebelum bertanding bagi kerusi pilihan raya 1969.³² Akan tetapi, pencalonan beliau bagi kerusi Parti Keadilan segera dipintas oleh Demirel. Erbakan tetap bertanding dalam pilihan raya, bukan atas tiket Parti Keadilan, tetapi meletakkan diri sebagai calon

²⁹ Ibid., hlm. 314.

³⁰ Ibid., hlm. 314; yang dipetik daripada Henri J. Barkey, *The State and Industrialization Crisis in Turkey* (Boulder: Westview, 1990), hlm. 132.

³¹ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, (London: Routledge, 1993) hlm. 144.

³² Mehmet Yasar Geyikdagi, *Political Parties in Turkey*, hlm. 120.

bebas. Kemenangan Erbakan dalam pilihan raya 1969 bagi kawasan Parlimen Konya telah melayakkan beliau menjadi anggota Dewan Perhimpunan Kebangsaan.³³

Prestasi calon bebas yang menggalakkan dalam pilihan raya 1969 dengan perolehan undi sebanyak 5.62 peratus atau 13 kerusi parlimen, berjaya meletakkannya sebagai kumpulan keempat terbesar dalam Dewan Perhimpunan Kebangsaan.³⁴ Keadaan ini telah memberi rangsangan yang positif kepada Erbakan untuk menubuhkan sebuah parti politik baru. Erbakan kemudiannya telah menubuhkan Parti Pemerintahan Kebangsaan atau Milli Nizam Partisi, iaitu sebuah parti yang mempunyai kecenderungan terhadap dasar Islam yang jelas, pada Januari 1970. Beliau telah memimpin MNP selama lebih kurang enam belas bulan antara Januari 1970 hingga Mei 1971, sehinggalah MNP diharamkan oleh Mahkamah Perlembagaan Turki di atas dakwaan membangkitkan sentimen “kebangkitan agama”.³⁵ Penutupan MNP memberi peluang kepada Erbakan menubuhkan parti baru menjelang Oktober 1972, di atas nama yang berlainan dengan panggilan Milli Selamet Partisi (MSP).

2.4 Rampasan Kuasa Tentera 1971

Penglibatan Islam dalam pembangunan politik di Turki terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran. Dasar sekular yang termaktub dalam perlembagaan merupakan satu cabaran besar buat MNP yang tidak dapat dielakkan. Perlembagaan Turki menetapkan bahawa apa juga bentuk sentimen keagamaan tidak boleh dijelmakan dalam bentuk politik lebih-lebih lagi untuk dilaksanakan kepada umum.

³³ Walter F. Weiker, *The Modernization of Turkey: From Ataturk to the Present Day*, (London: Holmes & Meier Publishers, 1981) hlm. 138.

³⁴ Butiran lanjut berkenaan data keputusan pilihan raya 1969, lihat Jacob M. Landau, *Radical Politics in Modern Turkey*, hlm. 279.

³⁵ Walter F. Weiker, *The Modernization of Turkey*, hlm. 138.

Ketidakstabilan politik dan ekonomi menjelang tahun 1970-an mencetuskan satu lagi krisis dalaman negara. Defisit negara meningkat daripada TL 2.5 billion pada tahun 1969 kepada TL 3.2 billion pada tahun 1970.³⁶ Tambahan pula, prestasi pembangunan industri jatuh mendadak daripada 12 peratus antara tahun 1965 hingga tahun 1969, kepada 1.5 peratus dalam tahun 1970.³⁷ Kesatuan pedagang berselisih-faham dengan kakitangan kerajaan, manakala puak Kurdi menuntut wilayah autonomi secara berasingan dan perhimpunan pelajar-pelajar universiti pula lantang menyuarakan rasa tidak puas hati mereka. Kesatuan pekerja, Parti Buruh Turki dan pergerakan belia giat beroperasi di serata tempat dengan mengadakan demonstrasi dan mogok secara besar-besaran.³⁸

Keadaan ini mendorong campurtangan tentera ke atas pentadbiran kerajaan setelah kekacauan dalam negara tidak mampu ditangani secara bijaksana. Melalui memorendum yang dihantar oleh kepimpinan tentera kepada Presiden Cevdet Sunay pada 12 Mac 1971, desakan dibuat agar Demirel meletak jawatan bagi membolehkan pihak tentera mengambil alih pentadbiran negara.³⁹ Turki pada ketika itu dikendalikan secara anarki oleh pihak tentera, tanpa kebebasan sosial dan ekonomi yang meletakkan masa depan Turki dalam keadaan terancam oleh suasana yang dianggap sebagai "keganasan".⁴⁰ Undang-undang Tentera diisytiharkan pada 27 April 1971 di sebelas daripada enam puluh lima wilayah di Turki. Manakala Majlis Keselamatan Negara (*National Security Council*) mengawasi segala bentuk aktiviti yang bertentangan dengan dasar republik tersebut.⁴¹ Penerbitan akhbar dan penyiaran media elektronik diawasi, mogok

³⁶ Berch Berberoglu, *Turkey In Crisis*, hlm. 95.

³⁷ Ibid., hlm. 103.

³⁸ Jumlah pekerja yang terlibat dalam tunjuk perasaan meningkat daripada 5,259 orang pada tahun 1968, kepada 15,134 orang dalam tahun 1969 dan meningkat pula kepada 21,150 dalam tahun 1970. Butiran lanjut berkeraan data dan statistik pembabitan golongan pekerja dalam tunjuk perasaan dan demonstrasi, lihat Berch Berberoglu, *Turkey In Crisis*, hlm. 103.

³⁹ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, hlm. 147.

⁴⁰ Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment In Democracy 1950-1975*, hlm. 288-289; Don Peretz, *The Middle East Today*, (London: Praeger, 1994) hlm. 189.

⁴¹ Ibid., hlm. 289.

diharamkan, manakala beratus orang daripada kumpulan berhaluan kiri dan kanan ditahan termasuk ahli akademik, aktivis politik dan golongan muda. Atas arahan Presiden Cevdet Sunay, kerajaan dan kabinet Demirel dilucutkan.⁴²

Milli Nizam Partisi sebagai sebuah parti berhaluan Islam yang agak menonjol dalam aktiviti politiknya, turut menerima nasib yang sama. MNP kemudiannya diharamkan pada 20 Mei 1971 oleh Mahkamah Perlembagaan Turki di atas desakan yang dilakukan oleh pihak tentera ke atas parti ini yang didakwa mengancam prinsip sekularisme yang diasaskan oleh Mustafa Kemal Ataturk.⁴³ MNP dikatakan cuba menggunakan agama untuk mencapai matlamat politik yang secara tidak langsung melanggar peruntukan undang-undang dalam artikel 2, 19 dan 57 Perlembagaan Turki 1961.⁴⁴

Ucapan-ucapan Erbakan dilihat mengkritik polisi sekular negara dan reformasi yang dilakukan oleh Ataturk secara terbuka. Kenyataan beliau bukan hanya cuba menarik perhatian umum terhadap parti, bahkan turut menjanjikan perubahan terhadap dasar Islam seperti menutup panggung wayang, pusat teater, sekolah ballet dan mengharamkan perlawanan bola sepak sekiranya diberi peluang memerintah.⁴⁵ Hal demikian, telah mampu menarik perhatian pendakwa raya bagi mengharamkan MNP daripada terus melaksanakan aktiviti politiknya. Masyarakat umum beranggapan bahawa penutupan MNP sebagai suatu demonstrasi pihak kerajaan dalam polisi penyamarataannya terhadap

⁴² Don Peretz, *The Middle East Today*, hlm. 189.

⁴³ Mohammad Redzuan Othman, "Gerakan Islam dengan Demokrasi: Pengalaman Masa lalu dan Prospek Masa Depan", dalam Seminar Antarabangsa Demokrasi dan Masyarakat Madani (ABIM), Kuala Terengganu, 8 September 2002, hlm. 6.

⁴⁴ Mehmet Yasar Geyikdagı, *Political Parties in Turkey: The Role of Islam*, hlm. 121.

⁴⁵ Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*, hlm. 383.

golongan ekstremis berhaluan kanan dan kiri. Sementara itu, pihak media mengulas bahawa tindakan ini hanya sebagai suatu sandiwara politik.⁴⁶

Walaupun begitu, tiada sebarang hukuman berat dikenakan ke atas pemimpin parti, Necmettin Erbakan. Selepas rampasan kuasa tentera, Erbakan cuba mendapatkan perlindungan di Switzerland sehingga keadaan dalam negara kembali pulih seperti biasa. Menjelang Oktober 1972, kumpulan Islamis dibenarkan untuk membentuk parti baru, Parti Penyelamat Kebangsaan atau dalam bahasa Turki Milli Selamet Partisi (MSP) dan memasuki pilihan raya umum yang diadakan pada tahun berikutnya.⁴⁷

2.5 Kesimpulan

Islam dijadikan wadah utama pembangunan politik dan masyarakat, buat pertama kali dalam sejarah Turki, apabila Milli Nizam Partisi muncul sekitar tahun 1970-an. Pada tahap awal pembentukan politik Islam, memperlihatkan peranan MNP menyesuaikan dirinya dalam arus perdana politik negara dengan menggunakan mesej moral dan akhlak yang bersifat sejagat agar ia mudah diterima umum. Mesej Islam digunakan secara bijak dan berhati-hati bagi mengelak apa juga isu yang boleh mengundang konflik terhadap dasar perlembagaan negara. Tidak dapat dinafikan peranan Necmettin Erbakan dan pemimpin utama MNP yang berusaha merealisasikan agenda politik parti dengan bijak dan berkesan, walaupun ada ketikanya sentimen anti-sekular, zionis dan Israel dalam parti tidak mampu dibendung secara baik. Walaupun hanya mampu bergiat sekitar satu tahun empat bulan, namun begitu, MNP telah berjaya menjadi wadah yang berkesan kepada golongan yang ingin memastikan bahawa Islam dan peradabannya tidak dipinggirkan dalam kehidupan masyarakat.

⁴⁶ Ibid., hlm. 317.

⁴⁷ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, hlm. 147.